

Headline	72 keluarga dikesan hidap virus AIDS di Melaka		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Aug 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	158 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 326
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 978



72 keluarga dikesan hidap virus AIDS di Melaka

ALOR GAJAH: Sebanyak 72 keluarga terdiri daripada penagih dadah dan anggota keluarga mereka dikesan menghidapi virus AIDS di Melaka.

Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan negeri Datuk Latipah Omar berkata daripada jumlah itu, 299 orang adalah Orang Kena Pengawasan (OKP) yang mendaftarkan diri secara sukarela dengan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam) Melaka.

"Mengikut rekod kira-kira 75 peratus daripadanya merupakan penagih dadah tegar manakala 15 peratus pula adalah mangsa terdiri daripada anak serta isteri yang dijangkiti melalui penagih dadah berkenaan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di majlis rumah terbukanya sempena Aidifitri di sini, pada Isnin.

Beliau berkata angka tersebut dikhuatiri lebih berikutan bilangan sebenar pembawa virus AIDS dalam kalangan penagih dadah serta anggota keluarga mereka sukar dikesan.

Bagaimanapun, katanya kerajaan negeri bersama Pepadam Melaka sedang berusaha mengesan bilangan sebenar penghidap virus berkenaan

untuk diberi bantuan dan sokongan.

Latipah berkata antara usaha yang dilaksanakan termasuk pendekatan turun padang dengan memberi kesedaran kepada penagih dan bekas penagih mengawal pengambilan dadah melalui pelaksanaan rawatan methadone.

Beliau berkata Pepadam dan Agensi Antidadah Kebangsaan Melaka juga sedang mengumpul maklumat dan data sebenar penghidap HIV/AIDS yang lain daripada kumpulan OKP yang berdaftar.

Katanya, sehingga hari ini sebanyak 2,992 OKP berdaftar dengan Pepadam Melaka dan kerajaan negeri sedang mengumpul maklumat mengenai anggota keluarga mereka yang berkeungkinan dijangkiti virus tersebut.

"Kerajaan negeri sentiasa bersikap terbuka menerima golongan penghidap virus tersebut dan tidak pernah menyisihkan mereka kerana sebahagian daripadanya adalah mangsa," katanya.

Sehubungan itu, katanya penghidap HIV/AIDS dalam kalangan penagih dadah dan anggota keluarga mereka dinasihat menghubungi pihaknya bagi mendapatkan rawatan serta bantuan lain. - Bernama